

BANK ISLAM UMUM PELANTIKAN BAHARU DALAM LEMBAGA PENGARAH DAN Pengerusi MAJLIS PENGAWASAN SYARIAH

Profesor Dato' Dr Noor Inayah dilantik sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif; Ir. Dr Muhamad Fuad Abdullah sebagai Pengerusi Majlis Pengawasan Syariah

KUALA LUMPUR, Jumaat, [7 April 2023]: Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) mengumumkan pelantikan Profesor Dato' Dr Noor Inayah Yaakob sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif berkuat kuasa 7 April 2023. Sementara itu, Ir. Dr Muhamad Fuad Abdullah turut mengambil peranan sebagai Pengerusi Majlis Pengawasan Syariah pada 1 April 2023, menggantikan Prof. Dato' Dr Ahmad Hidayat Buang yang bersara pada 31 Mac 2023.

Pelantikan ini akan mengukuhkan lagi Komposisi Lembaga Pengarah Kumpulan menjelang ulang tahun Bank Islam ke-40 tahun ini.

Profesor Dato' Dr Noor Inayah mempunyai kerjaya yang cemerlang merentasi bidang akademia sehingga korporat dan badan-badan keagamaan. Beliau merupakan Pengerusi Amanah Raya Trustees Berhad, dalam Lembaga Amanah Yayasan Amanah Raya, Pengerusi Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan serta Ahli Jawatankuasa Semakan dan Audit, Majlis Penasihat dan Pengawasan Syariah Amanah Raya Berhad.

Pada masa ini Profesor Dato' Dr Noor Inayah adalah Presiden dan Naib Canselor University Infrastruktur Kuala Lumpur, jawatan yang disandanginya sejak 1 Julai 2021. Sebelum ini, beliau berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Eksekutif/Rektor Kolej Profesional Baitulmal, yang dimiliki penuh oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Profesor Dato' Dr Noor Inayah merupakan pemegang ijazah Sarjana Muda Undang-

Undang Syariah (Kepujian) dan Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Beliau juga berkelulusan LLM (Sarjana dalam Undang-Undang Perbankan dan Perbandingan Sivil) daripada Universiti Bristol, United Kingdom. Selain itu, beliau turut menerima Ijazah Kedoktoran (PhD) Undang-Undang daripada Fakulti Undang-Undang, University Manchester, United Kingdom.

Profesor Dato' Dr Noor Inayah adalah pakar sumber dalam bidang wakaf di Malaysia dan peringkat antarabangsa.

Tidak asing dalam pencapaian-pencapaian baharu, Profesor Dato' Dr Noor Inayah juga pada masa ini adalah satu-satunya Nazir Masjid Wanita yang dilantik dalam sejarah negara.

Ir. Dr Muhamad Fuad Abdullah menyertai Majlis Pengawasan Syariah Bank Islam sebagai Ahli pada 1 April 2022 dan dilantik sebagai Pengerusinya pada 1 April 2023.

Ir. Dr Muhamad Fuad Abdullah mempunyai dua kelayakan akademik iaitu dalam bidang kejuruteraan dan pengajian Islam. Beliau memperoleh ijazah Sarjana Muda dan Sarjana Falsafah dalam bidang Kejuruteraan Elektrikal daripada Universiti Southampton, England, masing-masing pada tahun 1977 dan 1982. Beliau kemudiannya menyempurnakan ijazah Sarjana Muda Sastera (Syariah) di Universiti Jordan pada tahun 1994. Pencapaian akademik tertinggi beliau adalah Ijazah Kedoktoran (PhD) dalam Tamadun Islam yang dianugerahkan pada tahun 1996 oleh Universiti Aberdeen di Scotland.

Beliau memainkan peranan aktif dalam bidang akademik. Beliau berkhidmat sebagai Profesor Adjung/Pensyarah di beberapa universiti tempatan termasuk Universiti Teknologi Petronas (UTP), Universiti Putra Malaysia (UPM), and Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTEM). Selain itu, beliau juga merupakan sebahagian daripada Panel Penasihat Industri Program Kejuruteraan Elektrikal Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Multimedia (MMU) dan Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) dan telah berkhidmat sebagai Ahli Sidang Lembaga Pengajian Universiti Islam Antarabangsa, Program Sarjana Muda Fiqah & Usul Fiqah dari tahun 2007 hingga 2010. Beliau merupakan Ketua Eksekutif The

Netherlands Maritime Institute of Technology di Johor Bahru pada 2019.

Ir. Dr Muhamad Fuad memegang beberapa keahlian Lembaga pengarah termasuk di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), MIDF Berhad, MIDF Property Berhad, Sime Darby Berhad, Sime Darby Property Berhad and Island & Peninsular Bhd, Medic IG Sdn Bhd, Mesiniaga Berhad, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Hidayah Centre Foundation.

Pengerusi Bank Islam, Tan Sri Dr Ismail Haji Bakar berkata, "Mewakili Lembaga Pengarah, saya mengalu-alukan Profesor Dato' Dr Noor Inayah ke Bank Islam dan tahniah kepada Dr Fuad atas mandat baharu ini. Pelantikan Profesor Dato' Dr Noor Inayah ini merupakan bukti komitmen kami dalam mencapai sekurang-kurangnya 30% keseimbangan jantina bagi peranan pembuat keputusan kanan dalam Kumpulan."

"Dengan pelantikan ini, kami mengharapkan pandangan berharga mereka dalam mengemudi Kumpulan ke tahap yang lebih tinggi. Kepakaran dan rekod prestasi mereka yang sudah terbukti dalam industri akan menjadi aset kepada Bank Islam. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof. Dato' Dr Ahmad Hidayat Buang atas sumbangan beliau yang berharga kepada Kumpulan selama 12 tahun yang lalu dan selamat maju jaya dalam apa jua bidang yang diceburi selepas ini," tambah Tan Sri Dr Ismail.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (No. Pendaftaran Syarikat [198301002944(98127-X)])

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983 sebagai institusi perbankan Islam pertama di Malaysia, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan dan kewangan yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat serta komited terhadap hasrat kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG. Anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam adalah perintis dalam pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham, iaitu BIMB Investment Management Berhad dan BIMB Securities Sdn Bhd. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari www.bankislam.com.

Untuk maklumat lanjut, sila emel ke: media@bankislam.com.my